


33. Taman Eko

Tulis sebuah cerita berdasarkan gambar berikut.



Kata bantuan:

taman eko

ikan

tumbuh-tumbuhan

kupu-kupu

kolam

pondok

Di sekolah saya terdapat sebuah **taman eko**. Taman itu sungguh indah. Terdapat pelbagai **tumbuh-tumbuhan** di situ. Ada pokok cili, pokok jagung dan banyak lagi.

Di situ juga terdapat sebuah air terjun dan **kolam** yang besar. Di dalam kolam tersebut terdapat banyak **ikan** yang besar. Terdapat juga beberapa ekor kura-kura.

Yang paling saya gemari tentang taman itu ialah di sana terdapat pelbagai jenis kupu-kupu yang berwarna-warni. **Kupu-kupu** tersebut akan menghinggap di bunga-bunga di taman itu.

Pada waktu rehat, saya selalu ke taman eko. Saya akan berteduh di dalam sebuah **pondok** sambil menyaksikan keindahan taman itu.